

BORANG PENDAFTARAN

Nama :
Affiliasi :
No. Tel :
E-mel :
Alamat :
.....
.....
.....
.....
Tajuk :

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekreteriat

Seminar Antarabangsa Ke-9,
Ekologi, Habitat Manusia & Perubahan Persekitaran di Alam Melayu
Institut Alam & Tamadun Melayu, UKM
43600 UKM Bangi, Selangor.

Prof Madya Dr. Zuliskandar Ramli
Prof Madya Dr. Muhammad Rizal Razman

Tel: 03-89215280/3694
Faks: 03-89254698
e-mel: ziskandar@ukm.edu.my,
mrizal@ukm.edu.my



Panggilan Kertas Kerja
**SEMINAR
ANTARABANGSA KE-9,
EKOLOGI,
HABITAT MANUSIA &
PERUBAHAN PERSEKITARAN
DI ALAM MELAYU**



2 - 4 Ogos 2016

**Hotel Grandia
Jl. Cihampelas No.90-92 Tamansari Bandung
Wetan Bandung, Jawa Barat**

Anjuran Bersama:

Universitas Riau, Pekanbaru, Riau, Indonesia,
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Persatuan Pengurusan Persekitaran Malaysia (EMS)



PENGENALAN

Ekologi dan habitat manusia sentiasa mengalami perubahan. Tekanan yang wujud terhadap ekologi akibat pertumbuhan dan perkembangan habitat manusia sejak dulu hingga sekarang bukan hanya mengancam kemapanan ekologi, tetapi juga mempengaruhi kualiti hidup manusia dan perlu ditangani dari pelbagai sudut yang memerlukan pendekatan multidisiplin dan transdisiplin.

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakultas Ilmu Sosial dan Politik (FISIP), Fakultas Perikanan dan Ilmu Kelautan (FAPERIK), Universitas Riau, Pekanbaru, Riau, Indonesia bersama Persatuan Pengurusan Persekitaran Malaysia (EMS) menganjurkan seminar ini bagi mengumpulkan semua pihak yang berminat dan membuka ruang perkongsian berkenaan penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan isu ekologi, habitat manusia, dan perubahan persekitaran di Alam Melayu. Seminar ini adalah yang ke-9 kalinya dianjurkan bersama dalam rangka kerjasama antara Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Fakultas Ilmu Sosial dan Politik (FISIP), Fakultas Perikanan dan Ilmu Kelautan (FAPERIK), Universitas Riau dengan kerjasama Persatuan Pengurusan Persekitaran Malaysia (EMS) sejak tahun 2009.

OBJEKTIF

(i) Mengetengahkan isu dan cabaran semasa mengenai habitat semula jadi, habitat manusia dan perubahan persekitaran yang merangkumi pelbagai aspek multidisiplin nya.

(ii) Menyediakan pentas pembentangan untuk ahli-ahli pemikir dan penyelidik yang terdiri daripada ahli akademik, pembuat dasar, dan orang awam untuk mencerakinkan apa yang diteliti di peringkat tempatan dan hubungan rentas sempadan Alam Melayu yang ada.

TEMA

Seminar ini bertemakan ekologi, habitat manusia dan perubahan persekitaran (terutamanya perubahan suhu global) di Alam Melayu dan merangkumi topik-topik berikut:

- Kemapanan Ekologi dan Perubahan Persekitaran
- Habitat Manusia dan Impak Terhadap Persekitaran
- Impak Pencemaran Terhadap Ekologi dan Habitat Manusia
- Perubahan Persekitaran dan Kesihatan Ekosistem
- Pelbagai Langkah Mitigasi dan Adaptasi
- Arkeologi, sejarah dan Budaya
- Pelancongan dan warisan

TENTATIF PROGRAM

2 Ogos 2016 (Selasa)

8.00 pagi	Pendaftaran
9.00 pagi	Majlis Perasmian
9.45 pagi	Jamuan Ringan & Sesi A (Poster Penyelidikan)
10.15 pagi	Pengucap tama
10.45 pagi	Ucapan Pleno
12.20 t.hari	Ishoma & Sesi B (Poster Penyelidikan)
2.00 petang	Sesi Pembentangan 1
4.00 petang	Jamuan Ringan & Sesi C (Poster Penyelidikan)

3 Ogos 2016 (Rabu)

8.30 pagi:	Sesi Pembentangan 2
10.00 pagi:	Jamuan Ringan & Sesi D (Poster Penyelidikan)
10.30 pagi:	Sesi Pembentangan 3
12.30 t.hari:	Ishoma & Sesi E (Poster Penyelidikan)
2.00 petang:	Sesi Pembentangan 4
4.00 petang:	Jamuan Ringan & Sesi F (Poster Penyelidikan)
5.00 petang:	Majlis Penutup

4 Ogos 2016 (Khamis)

Lawatan / Jelajah di bandar

TARIKH PENTING

Abstrak: **30 Jun 2016**

Makluman penerimaan: **5 Julai 2016**

Kertas kerja penuh : **10 Julai 2016**

YURAN

Pembentang = RM 500 (*termasuk pelajar)